

Jangkitan baharu HIV turun 70 peratus dalam tempoh 20 tahun

SEREMBAN

Jangkitan baharu HIV atau AIDS di negara ini mencatatkan penurunan sebanyak 70 peratus dalam tempoh 20 tahun kebelakangan ini, kata Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Datuk Dr Norhayati Rusli.

Beliau berkata, rawatan ubat antiretroviral (ARV) kepada orang yang hidup dengan HIV (ODHA) telah dipertingkatkan kepada 66 peratus pada tahun lepas berbanding 28 peratus pada 2015.

"Kadar penurunan kes HIV dan peningkatan liputan rawatan ini masih belum mencukupi untuk negara membendung AIDS sehingga ia tidak lagi menjadi isu kesihatan awam menjelang 2030.

"Justeru, dalam memastikan kesaksamaan dicapai, ketersediaan, kualiti dan kesesuaian perkhidmatan rawatan, ujian dan pencegahan HIV mesti dipertingkatkan," katanya berucap pada Majlis Sambutan Hari AIDS Sedunia Peringkat Kebangsaan 2022 bertemakan 'Equalize: Kesaksamaan untuk kesihatan bagi mengakhiri AIDS' di sini pada Khamis.

Beliau berkata, perkhidmatan *Differentiated HIV Services for Key Populations* (DHSKP) Model KK 2.0 yang dilaksanakan di 31 klinik kesihatan dengan kerjasama pintar kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) akan diperluas bagi meningkatkan pe-



DR NORHAYATI

nyampaian perkhidmatan.

Beliau berkata, kerajaan akan terus memberikan perhatian penuh menangani HIV dan merealisasikan kesaksamaan ke arah matlamat mengakhiri AIDS menjelang 2030.

Sementara itu, Timbalan Presiden

Majlis AIDS Malaysia (MAM) Dr Dinesh Mahalingam berkata, transmisi HIV secara seksual dalam kalangan golongan belia berumur 13-39 tahun membimbangkan berdasarkan peningkatan 80 peratus bagi golongan itu.

Beliau berkata, strategi khusus perlu dirancang bagi menangani permasalahan tersebut serta usaha berterusan dalam meningkatkan peratusan ARV dalam kalangan pesakit, sehingga tahun lepas hanya mencapai 66 peratus mengikut '*HIV Testing and Treatment Cascade*'.

Menurut Dr Dinesh, sekurang-kurangnya pelaburan RM10 juta hingga RM12 juta setahun diperlukan untuk merencanakan pengemblengan tenaga di peringkat akar umbi dan dapat memberikan hasil secara jangka panjang.

Katanya, MAM sentiasa berpegang teguh kepada prinsip nilai-nilai kemanusiaan bahawa setiap individu tanpa mengira bangsa, kepercayaan, gender berhak hidup sihat dan bebas daripada ancaman diskriminasi dan prejudis. - Bernama